

TERMA DAN SYARAT PROGRAM PENGECCUALIAN FI TAHUNAN TAHUN PERTAMA KAD KREDIT ([ENGLISH VERSION](#))

Dikemas Kini 16 Julai 2025

Terma dan Syarat ("**T&S**") Program Pengeccualian Fi Tahunan Tahun Pertama Kad Kredit ("**Program**") ini hendaklah dibaca bersama dengan Perjanjian Pemegang Kad ("**Perjanjian**") Hong Leong Bank Berhad ("**HLB**"). Selain daripada variasi yang dinyatakan di bawah, semua terma dan syarat Perjanjian hendaklah diterima pakai. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidakselarasan antara terma dan syarat Perjanjian dengan T&S ini, T&S ini hendaklah diutamakan setakat mana yang berkenaan dengan semua Kad Kredit HLB (Kad Utama dan Kad Tambahan) yang disenaraikan dalam **Jadual 1** di bawah ("**Kad Layak**"). Dengan menerima Kad Layak berikut, Pemegang Kad (seperti yang ditakrifkan di sini) bersetuju untuk terikat dengan T&S ini dan terma dan syarat Perjanjian.

1. Kriteria Untuk Program Pengeccualian Fi Tahunan

- (a) Setiap Pemegang Kad Utama atau Tambahan (secara kolektif dan individu disebut "**Pemegang Kad**") yang melakukan sekurang-kurangnya satu (1) Transaksi Runcit Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah **Fasal 3**) dengan sebarang amaun menggunakan Kad Layak dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh kelulusan Kad Layak tersebut akan layak mendapat pengeccualian fi tahunan untuk tahun pertama (1) sahaja ("**Pengeccualian Fi Tahunan**") bagi Kad Layak itu.
- (b) Bagi mengelakkan keraguan, (i) setiap Pemegang Kad boleh menerima Pengeccualian Fi Tahunan bagi setiap Kad Layak yang digunakan untuk melakukan Transaksi Runcit Layak, dan (ii) Pengeccualian Fi Tahunan akan diberikan berhubung dengan Kad dan Pemegang Kad yang tertentu itu sahaja (iaitu jika Pemegang Kad Utama menerima Pengeccualian Fi Tahunan, ini tidak bermakna Pengeccualian Fi Tahunan akan turut diberikan kepada Pemegang Kad Tambahan yang sepadan, melainkan Pemegang Kad Tambahan tersebut melakukan Transaksi Runcit Layak, dan sebaliknya).

Jadual 1: Kad yang Layak untuk Pengeccualian Fi Tahunan Tahun Pertama

Kad Layak
KAD KREDIT VISA
GSC Gold/Platinum
Sutera Platinum
WISE Gold
Essential

2. Kelayakan dan Penyertaan

- (a) Untuk menyertai Program ini, syarat-syarat kelayakan berikut mestilah dipenuhi:
 - (i) akaun Kad Layak milik Pemegang Kad mestilah sah, dalam kedudukan baik, tidak mempunyai tunggakan bayaran dan tidak boleh ditutup atau ditamatkan oleh

- sama ada Pemegang Kad atau HLB;
- (ii) Pemegang Kad mestilah tidak melanggar mana-mana T&S ini dan/atau terma dan syarat Perjanjian; dan
 - (iii) kelayakan akan dibatalkan bagi Pemegang Kad yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau perbuatan salah yang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLB, atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh pihak bank atau mana-mana pihak ketiga), atau tertakluk pada sebarang prosiding kemuflian pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Program ini berlangsung.

3. Terma dan Syarat Program

- (a) Istilah “**Transaksi Runcit Layak**” merujuk kepada sebarang transaksi pembelian runcit yang dibuat di dalam dan di luar negara, termasuk transaksi dalam talian, yang dicaj kepada Kad Layak tetapi TIDAK TERMASUK transaksi berikut (senarai di bawah ini tidak lengkap dan HLB mempunyai hak mutlak untuk menentukan sama ada sesuatu transaksi itu tergolong dalam definisi Transaksi Runcit Layak):
 - (i) transaksi tunai termasuk tetapi tidak terhad kepada Pendahuluan Tunai dan Pindahan Baki (seperti yang masing-masing ditakrifkan/dihuraikan dalam Perjanjian);
 - (ii) transaksi *Quick Cash* (seperti yang ditakrifkan/dihuraikan dalam Perjanjian);
 - (iii) fi dan caj termasuk tetapi tidak terhad kepada caj untuk pengeluaran wang tunai dan pembayaran tunai, fi tahunan, faedah dan/atau caj kewangan, caj kerajaan seperti cukai dan apa-apa jenis caj dan penalti lain;
 - (iv) sebarang pemindahan dana, termasuk tetapi tidak terhad kepada, pemindahan yang dibuat daripada akaun Kad Layak ke mana-mana akaun bank, pemindahan antara rakan setara (P2P), dan transaksi yang dibuat melalui perkhidmatan pemindahan wang pihak ketiga;
 - (v) transaksi yang dipertikaikan yang kemudiannya dibalikkan daripada akaun Pemegang Kad Utama (sama ada transaksi yang dipertikaikan itu dilakukan oleh atau melibatkan Pemegang Kad Utama atau Pemegang Kad Tambahan); dan/atau
 - (vi) Transaksi *QR Pay* yang dibuat melalui *HLB Connect App*.
- (b) Istilah “**HLB Connect App**” bermaksud Aplikasi Perbankan Mudah Alih *Hong Leong Connect*.
- (c) Istilah “**Transaksi QR Pay**” bermaksud transaksi runcit dibuat melalui *HLB Connect App* menggunakan HLB *QR Pay*.
- (d) HLB akan menggunakan usaha terbaiknya untuk memastikan pengeposan Transaksi Runcit Layak dan/atau Pengecualian Fi Tahunan yang diperolehi semasa Program berlangsung adalah tepat pada masanya.
- (e) Jika Pengecualian Fi Tahunan diberikan bagi mana-mana Transaksi Runcit Layak yang kemudiannya dibalikkan, pembalikan itu akan menyebabkan Pengecualian Fi Tahunan yang sepadan turut dibalikkan tanpa mengira tarikh pengeposan transaksi asal.

Sebarang transaksi yang dibalikkan dan/atau transaksi yang dibatalkan akan dikecualikan daripada menerima Pengecualian Fi Tahunan.

- (f) HLB berhak untuk melucutkan hak dan/atau menarik balik Pengecualian Fi Tahunan jika berlakunya pembalikan Transaksi Runcit Layak, atau ketidakpatuhan terhadap T&S ini, atau penamatan Kad Layak dalam tempoh tahun pertama selepas kelulusan kad dan/atau pada masa pemberian Pengecualian Fi Tahunan.
- (g) HLB berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad untuk mendapatkan Pengecualian Fi Tahunan jika HLB percaya bahawa Pemegang Kad tersebut telah melakukan satu atau lebih Transaksi Runcit Layak dengan cara atau corak yang HLB anggap luar biasa dan/atau di luar aturan, dan keputusan HLB dalam perkara ini adalah muktamad dan konklusif ke atas semua Pemegang Kad. Jika kelayakan Pemegang Kad Utama ditolak menurut fasal ini, kelayakan Pemegang Kad Tambahan yang sepadan untuk Pengecualian Fi Tahunan tidak akan terjejas, dan sebaliknya.

4. Variasi Program

HLB berhak untuk meminda, mengubah atau menukar mana-mana kriteria Program atau menarik balik Program ini pada bila-bila masa dengan notis terlebih dahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar berserta alasan yang sah kepada Pemegang Kad, dan pindaan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh yang dipilih oleh HLB untuk digunakan. Seterusnya, HLB boleh, mengikut budi bicaranya, menghantar surat terus kepada Pemegang Kad atau memaklumkan melalui media massa atau memaparkan notis di ruang perbankan HLB atau di laman web HLB di www.hlb.com.my atau mana-mana kaedah yang dianggap praktikal oleh HLB untuk penambahan, pengubahsuaian atau pindaan pada Program tersebut.

5. Tafsiran

- (a) Melainkan konteks menghendaki sebaliknya, perkataan dan ungkapan yang berhuruf besar mempunyai pengertian yang sama seperti mana ditakrif dalam Perjanjian kecuali ditakrif secara khusus dalam T&S ini.
- (b) Perkataan yang merujuk jantina lelaki akan termasuk jantina perempuan dan/atau jantina neutral, dan begitu juga sebaliknya.
- (c) Perkataan yang merujuk bilangan tunggal akan termasuk bilangan jamak, dan begitu juga sebaliknya.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat dan/atau memerlukan salinan terma dan syarat dalam versi Bahasa Malaysia, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang membantu anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau hubungi 03-76268899.